



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 30 SEPTEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAN ARRESTED OVER KILLING OF PET DOG, NATION, THE STAR, M/S – 10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	PORT DICKSON SHELLFISH SAFE FOR CONSUMPTION: FISHERIES DEPT, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	KUPANG PORT DICKSON KINI SELAMAT DIMAKAN – JPNS, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 20	
4.	KERANG PORT DICKSON SUDAH SELAMAT DIKUTIP, DIMAKAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
5.	IKAN INVASIF ANCAMAN TASIK TIMAH TASOH, ASLI PUPUS JIKA TIADA TINDAKAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	
6.	EDUCATOR ADVOCATES FOR ANIMAL-ASSISTED THERAPY, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	LAIN – LAIN
7.	KANDANG TERNAKAN ROBOTIK HOLISTIK, K-TEKNO, KOSMO, M/S – 15	
8.	ROBOT PERAH SUSU, BERI MAKAN, CUCI NAJIS LEMBU, K- TEKNO, KOSMO, M/S – 16 & 17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Man arrested over killing of pet dog

By MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

IPOH: A 23-year-old was arrested after a video showing a man beating a dog to death with an iron rod at a house in Taman Arkid went viral.

The one-minute 31-second clip was uploaded on Instagram by the Malaysian Animal Organisation and has sparked outrage among animal lovers and the public.

Police received a report on Sept 19 at the Menglembu police station here and the suspect was arrested the next day, Ipoh OCPD Asst Comm Abang Zainal Abidin Abang Ahmad said.

"The case is being investigated under Section 506 of the Penal Code and Section 29(1)(A) of the Animal Welfare Act 2015, involving criminal intimidation among family members and the killing of a dog by the suspect.

"The suspect is currently out on police bail," he said in a statement yesterday.

ACP Abang Zainal advised the public not to circulate the video or share statements that could cause unnecessary distress.

"Any information related to misconduct or cruelty towards animals should be reported directly to the police or the Veterinary Services Department (DVS)," he said.

The Perak DVS, meanwhile,

said the dog died of severe head injuries.

In a statement, it said its animal welfare and enforcement officers had visited the man's house yesterday.

"No one was home but the team managed to contact the man's sister. She confirmed that the incident occurred on Sept 19 and that the dog died a few days later.

"A police report was also lodged the same day," the statement read.

DVS officers also checked with the veterinary clinic where the dog had been taken.

"The veterinarian confirmed the dog was unconscious and in a critical state when brought in, with severe head injuries.

"Due to its poor prognosis, only supportive treatment could be administered," it said.

Several animal non-governmental organisations nationwide have also lodged police reports over the case.



Grim scene:

A viral video showed a man beating a dog to death with an iron rod in Taman Arkid, Ipoh.
— Screenshot from social media

On Sunday, the Stray Animal Foundation Malaysia called for an immediate investigation into the case and condemned the act, calling it deeply disturbing and reflective of wider social risks.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



Port Dickson shellfish safe for consumption: Fisheries Dept

SEREMBAN: Mussels and other shellfish from the waters off Port Dickson are now safe to eat, after biotoxin levels in samples taken on Sept 17 were found to be below 800 parts per billion (ppb).

Negeri Sembilan Fisheries Department director Kasim Tawe said mussel farmers using piling and raft systems in the waters stretching from Sungai Sekawang to Kampung Telok in

Pasir Panjang have been allowed to resume collection and harvesting activities with immediate effect.

"This is based on the findings of the Main Committee on Harmful Algal Bloom Cases, which confirmed that the level of paralytic shellfish poisoning (PSP) toxin in mussel samples taken on Sept 17 was below the 800 ppb threshold.

"Monitoring and test results on mussel samples from the area have consistently shown readings of less than 800 ppb for nearly four consecutive weeks. Therefore, the shellfish are safe for consumption."

On Aug 15, the department issued a ban on the collection and harvesting of shellfish in Port Dickson after mussel samples were found to contain PSP toxin levels above the limit.

Kasim said the ban remained in place until monitoring was completed, during which the public was advised against consuming shellfish from the affected area to avoid the risk of food poisoning.

He added that members of the public who still have shellfish harvested during the prohibition period are advised to dispose of them and not consume them. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Kupang Port Dickson kini selamat dimakan – JPNS

SEREMBAN - Kupang dan kerang-kerangan di perairan Port Dickson kini disahkan selamat dimakan selepas ujian biotoksin menunjukkan kandungan toksin berada di bawah paras bahaya.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS), Kasim Tawe berkata, hasil analisis sampel yang diambil pada 17 September lalu menunjukkan bacaan toksin Paralytic Shellfish Poisoning (PSP) telah menurun ke tahap selamat.

Menurut beliau, keputusan itu sekali gus membolehkan pengusaha dan penternak kerang-kerangan, termasuk sistem pancang dan panggar, kembali menjalankan aktiviti mengutip, mengeluarkan serta menuai hasil laut tersebut berkuat kuasa serta-merta.

"Keputusan ini berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kes Ledakan Alga Berbahaya yang mendapati kandungan PSP dalam sampel terkini berada di bawah paras parameter ditetapkan.

"Hasil pemantauan juga menunjukkan paras toksin kekal rendah selama hampir empat minggu



Kupang dan kerang-kerangan di perairan Port Dickson disahkan selamat dimakan selepas ujian biotoksin berada di bawah paras bahaya.

berturut-turut. Maka, kupang dan kerang-kerangan kini adalah selamat untuk dimakan," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Terdahulu, pada 15 Ogos lalu, JPNS mengeluarkan larangan kepada semua pengusaha dan penternak agar menghentikan aktiviti pengambilan serta pengeluaran

kerang-kerangan selepas toksin PSP dikesan melebihi had yang dibenarkan.

Larangan tersebut turut disertai nasihat kepada orang awam agar tidak memakan kerang-kerangan dari kawasan terbabit bagi mengelakkan risiko keracunan makanan. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2025	KOSMO	NEGARA	13

Kerang Port Dickson sudah selamat dikutip, dimakan

- **Penternak kerang itu sudah dibenar mengambil kerang**
- **Berkuat-kuasa serta merta berikutan bacaan toksik rendah**

SEREMBAN – Larangan terhadap pengambilan kerang-kerang termasuk kupang di perairan Negeri Sembilan serta penjualannya sebelum ini, ditarik balik berikutan penurunan tahap biotoksin ke paras selamat.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, ia berikutan analisis makmal terhadap sampel kupang melalui sistem panggar dan pancang pada 17 September lalu mempunyai kandungan toksin *Paralytic Shellfish Poisoning* (PSP) di bawah paras parameter 800 ppb.

Menurutnya, keputusan menarik semula larangan tersebut adalah berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kes Ledaan Alga Berbahaya (HAB) di Port Dickson.

"Sehubungan itu, peghusaha dan penternak kupang melalui sistem pancang dan panggar kupang dari Sungai Sekawang ke Kampung Telok, Pasir Panjang



SEORANG nelayan sekitar Kampung Telok menarik nafas lega selepas kebenaran mengambil kerang di perairan Port Dickson semalam. — MOHD SHAHJEHAN MAAMIN.

adalah dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pengambilan, dikutip, mengeluarkan dan menuai kerang-kerang dari perairan Port Dickson.

"Penarikan larangan ini berkuat kuasa serta-merta berikutan kandungan toksin (PSP)

di bawah paras parameter 800 ppb," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Pada Ogos lalu, media melaporkan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menasihati nelayan agar tidak dikutip, mengambil atau menuai kerang-

kerang termasuk kupang di perairan Port Dickson buat sementara waktu.

Larangan dikuatkuasakan selepas sampel kupang yang diambil pada 6 dan 12 Ogos mengandungi toksin melebihi paras 800 ppb.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

IKAN INVASIF ANCAMAN TASIK TIMAH TASOH

Asli pupus jika tiada tindakan!

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Padang Besar

Menyedari ancaman ikan asing invasif terhadap ekosistem dan kelestarian Tasik Timah Tasoh di sini kerajaan bertindak dengan melaksana usaha kawalan serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Perlis, Mohammed Roshazat Mustafa berkata, peraturan ketat dilaksana melalui pindaan Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Negeri Perlis 2025 yang berkuat kuasa 21 Ogos lalu.

Katanya, di bawah peraturan itu, mana-mana pihak yang melepaskan ikan bukan asli, khususnya spesies invasif ke dalam perairan awam boleh dikenakan denda serta kompaun.

"Isu ini kita pandang serius kerana ikan invasif mempunyai sifat agresif seperti membiak tanpa kawalan, berebut sumber makanan, memakan ikan kecil tempatan, malah mampu merosakkan habitat sedia ada.

"Jika tiada tindakan, dalam tempoh dua hingga lima tahun, spesies asli tempatan di Tasik Ti-



PEMBABITAN golongan mahasiswa dan komuniti nelayan serta Jabatan Perikanan Negeri Perlis dalam program memancing rekreasi mampu mengurangkan populasi ikan asing invasif seperti peacock bass dan ikan bongkok yang banyak terdapat dalam Tasik Timah Tasoh.

mah Tasoh mungkin pupus," katanya.

Beliau mengulas laporan Harian Metro semalam mengenai ancaman ikan pemangsa daripada spesies asing yang mendominasi tasik berusia lebih tiga dekad itu sehingga menyebabkan nelayan darat resah disebabkan sumber pendapatan mereka terjejas.

Mengulas lanjut, Mo-

ammed Roshazat berkata, berdasarkan data pendaratan ikan di Tasik Timah Tasoh, pihaknya mendapati terdapat peningkatan dalam tangkapan ikan pemangsa yang mana peacock bass menjadi ikan invasif paling tinggi untuk tempoh Januari hingga Ogos lalu.

"Ia membabitkan tangkapan sekitar 3,897 kilog-

ram (kg) berbanding keseluruhan tahun lalu iaitu sekitar 3,591kg. Ini diikuti ikan toman yang bukan spesies asing namun boleh jadi pemangsa dengan tangkapan 1,242 kg berbanding 1,090kg, manakala ikan keli dari spesies keli Afrika pula sebanyak 164kg," katanya.

Selain undang-undang, katanya, pihaknya juga

melaksanakan inisiatif khusus seperti program bersama pelajar, mahasiswa dan komuniti nelayan darat untuk memberi kesedaran mengenai ancaman berkenaan.

"Kita juga adakan program penangkapan berjadual menggunakan pelbagai kaedah tradisional dan moden bagi mengurangkan jumlah populasi in-

vasif.

"Kempen memancing rekreasi terkawal dengan memberi galakan kepada pemancing untuk memburu spesies seperti peacock bass yang diketahui sangat rakus dalam memakan umpan pemancing serta pemantauan saintifik berkala termasuk kajian stok ikan di tasik bagi menilai tahap ancaman terhadap spesies jenis asli," katanya.

Tambahnya, penguatkuasaan bersama agensi lain turut dilaksana menggunakan peruntukan mengikut Akta Perikanan 1985 untuk memastikan undang-undang dipatuhi semua pihak.

Beliau berkata, kesedaran awam adalah kunci utama dalam pemeliharaan khazanah Tasik Timah Tasoh.

"Jika masyarakat terus melepaskan ikan asing, semua usaha kawalan tidak akan memberi kesan. Kita mahu komuniti bersama-sama menjadi 'mata dan telinga' untuk menjaga tasik ini," katanya yang memaklumkan tasik itu bukan sekadar landskap pelancongan, tetapi habitat bernilai tinggi bagi spesies asli tempatan yang menjadi warisan ekologi negeri Perlis.

Sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsi ke e-mel Suara Anda, Kami Dengar di am@hmetro.com.my

Educator advocates for animal-assisted therapy

► 'Healing sometimes comes from silent companionship that offers empathy without judgement'

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Animal-assisted therapy (AAT) could be the missing piece in Malaysia's mental health puzzle, if only policy and public support catch up with the science, said Universiti Teknologi Malaysia psychology professor Prof Dr Siti Aisyah Panatik.

"Healing does not always come from medicine or words alone. Sometimes, it comes from the silent companionship of another living being who offers empathy without judgement," she said.

Globally, AAT has been proven to calm nerves, lift moods and help people claw their way out of trauma.

Siti Aisyah argued that Malaysia is just as ripe for such an approach.

From dogs and cats to horses and even rabbits, therapy animals are showing results elsewhere in reducing anxiety, depression and

post-traumatic stress.

"The presence of an animal offers unconditional acceptance. Rather than replacing psychotherapy or psychiatric care, AAT amplifies it. Patients feel safer, more motivated and more willing to engage."

"That is powerful for those struggling with loneliness, trauma recovery or social anxiety."

The science also backs it up. Time with animals raises oxytocin, the "bonding hormone," along with serotonin and dopamine, the mood stabilisers. Cortisol, the stress hormone, drops. Blood pressure falls. Heart rates steady. And the brain's reward and attachment centres light up, boosting resilience and emotional control.

Siti Aisyah added that animals make excellent "social icebreakers," easing people into conversations and trust-building without awkward silences.

She said Malaysia's current shift towards holistic wellbeing offers the perfect opening, adding that the Malaysia Madani framework, with its emphasis on inclusive health services, could provide a home for AAT if policymakers are bold enough.

Hospitals, rehab centres, universities and special-needs schools could roll out pilot programmes to diversify therapy and make mental health treatment less clinical and more human.

But the road is not clear. Malaysia has no official guidelines or accreditation for AAT,

meaning practice is patchy at best.

Trained therapists and handlers are also thin on the ground.

On top of that, there is the issue of cultural and religious sensitivity.

"Attitudes towards animals, particularly dogs, differ across our multicultural society," she said.

Cats, rabbits or horses could be viable substitutes to win wider acceptance.

Funding is another sticky point, with healthcare institutions often favouring established, conventional interventions over innovative ones.

However, Siti Aisyah expressed belief that momentum is building.

She envisions universities, hospitals and community centres leading with small-scale pilots to create local evidence.

She said partnerships between psychology and veterinary departments could then lay the foundation for a Malaysian model of AAT.

"With the right advocacy, Malaysia could even position itself as a regional leader in culturally adaptive AAT," she said.

For her, the message is simple: healing is not always about prescriptions and pep talks.

Sometimes, it is about a quiet purr, a steady gaze or a furry presence at your side, proof that science and compassion could walk paw-in-hand to transform mental healthcare.

• See also Page 10 for *Marinated Makcik's* commentary on animal therapy.



Siti Aisyah said partnerships between psychology and veterinary departments could lay the foundation for a Malaysian model of AAT. — AMIRUL SYAFIQ/THESUN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2025	KOSMO	K-TEKNO	15



Kandang ternakan robotik holistik

INDUSTRI penternakan moden kini melangkah jauh dengan penerapan teknologi robotik yang bukan sahaja meningkatkan kecekapan, tetapi mampu menjamin kesejahteraan haiwan. Inovasi kandang lembu berkonsepkan robotik yang diperkenalkan oleh syarikat penternakan Belanda iaitu Lely menjadi simbol transformasi teknologi masa kini. Malah, syarikat itu turut menjadi antara pelopor dalam memperkenalkan sistem robotik pemerahan susu komersial pertama dunia. Syarikat penternakan Lely diasaskan pada tahun 1948 di Maassluis bermula sebagai kandang biasa dan kini terus optimis dalam meningkatkan kualiti hasil ternakan bermutu tinggi saban tahun.



Sejumlah pekerja tidak lagi diperlukan untuk menguruskan kandang kerana segalanya boleh dilakukan secara automatik oleh robot autonomi."

Menurut Ketua Rekaan dan Inovasi Robotik Lely, Jan Jacobs, sistem robotik yang dibangunkan bukan sahaja bertujuan untuk memudahkan urusan pekerja, tetapi menjaga kebajikan haiwan ternakan. Sistem tersebut membantu penternak dalam melaksanakan keseluruhan tugas meliputi pembersihan, memberi makan, pemerahan susu dan menganalisis tahap kesihatan lembu secara teratur.

"Sejumlah pekerja tidak lagi diperlukan untuk menguruskan kandang kerana segalanya boleh dilakukan secara automatik oleh robot autonomi. "Penternak mungkin tidak perlu memantau atau pergi ke kandang selama beberapa jam kerana segala maklumat dapat dikemas kini secara digital," katanya kepada portal IEEE Spectrum. Kaedah moden itu berbeza dengan cara

konvensional yang memerlukan pekerja untuk memantau keadaan lembu sama ada bagi memberi makan, pemerahan susu atau membersihkan najis. Menerusi konsep robotik itu, Jacobs memberitahu, proses pemerahan susu juga dapat dibuat pada bila-bila masa mengikut keselesaan dan kehendak haiwan menerusi sejenis robot dipanggil Lely Astronaut. Perkara itu sekali gus membuatkan haiwan bebas tekanan dan jumlah susu yang dihasilkan juga meningkat. Prosesnya di mana lembu masuk sendiri (secara sukarela) ke stesen pemerahan, dan seterusnya robot akan mengenal pasti haiwan tersebut menggunakan cip Radio Frequency Identification (RFID).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2025	KOSMO	K-TEKNO	16



KANDANG Lely di Maassluis, Belanda menakutkan apabila menerapkan penggunaan robotik pada hampir keseluruhan tugas.

Robot perah susu, beri makan, cuci najis lembu

CAWAN penyedutnya dilengkapi dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk mengenal pasti kedudukan ambing dan membuat perahan susu.

Setelah itu, ambing akan dibersihkan untuk memasang cawan penyedut bagi mengawal aliran susu secara automatik. Pada masa sama, data mengenai jumlah, kandungan lemak dan kualiti susu dapat direkodkan terus ke dalam sistem.

"Berbeza dengan cara ladang tenusu tradisional yang kebiasaan akan memerah susu dua kali sehari, kali ini berbeza apabila robot mampu melakukannya mungkin lebih banyak.

"Proses perahan susu juga tidak akan memberikan lembu tekanan dan berasa stres sehingga penghasilan susu juga




Rencana Utama

Oleh
FADILA AWALUDIN

berkurangan.

"Bahkan menerusi kaedah ini, lembu dapat mengeluarkan kira-kira 10 peratus lebih susu apabila jadual pemerahan susu diserahkan sepenuhnya kepada haluan itu sendiri," katanya.



ROBOT Lely Discovery membersihkan najis-najis lembu.

Bagi aspek pemberian makanan pula, sistem automatik Lely Vector iaitu robot bergerak yang boleh menimbang dan mencampur akan mengagihkan makanan mengikut keperluan setiap kumpulan lembu sepanjang hari.

Sistem ini mampu mengambil alih kerja manusia dalam tugas memberi makan lembu sebanyak 60 hingga 80 peratus daripada keseluruhan proses.

Kaedah automasi jelas dapat menjimatkan masa dan memastikan lembu mendapat nutrisi secukupnya tanpa pembaziran.


"Sekiranya sebelum ini pekerja memerlukan masa sekitar 10 jam sehari untuk kerja memberi makan lembu, tetapi dengan Lely Vector masa itu boleh berkurang kepada hanya dua hingga empat jam sahaja kerana selebihnya robot yang uruskan.

"Pengagihan makanan akan dibuat secara automatik mengikut jadual, manakala manusia cuma perlu tambah stok bahan makanan atau pantau sistem sekali-sekala," ujarnya.

Beralih kepada soal pembersihan dan kebersihan kandang, robot Lely Discovery pula akan mengambil alih tanggungjawab tersebut dan mampu berfungsi



MESIN Lely Astronaut menjadi robot perahan susu yang mampu melakukan kerja secara automatik.



CAWAN pemerahan yang dilengkapi dengan teknologi AI untuk mengenal pasti lokasi ambing.

sepanjang hari untuk mengutip sisa najis menggunakan sistem sedutan atau pengikis automatik.

Mesin tersebut akan memastikan lantai sentiasa bersih, mengurangkan risiko penyakit dan meningkatkan keselesaan lembu. Lely Discovery merupakan robot mudah alih yang berfungsi seakan vakum dan bergerak secara autonomi mengikut laluan diprogramkan.

Bagi memastikan aliran sedutan lancar, robot akan menyemburkan sedikit air di hadapan sebelum proses sedutan dilakukan agar najis lebih mudah dikutip.

Lely Discovery ialah robot pembersih najis automatik yang direka khusus untuk memastikan lantai kandang lembu sentiasa bersih dan selesa.

Semua najis yang dikutip disimpan di dalam tangki simpanan, dan setelah penuh, robot secara automatik bergerak ke stesen pelepasan (*discharge station*) untuk dimasukkan ke dalam longkang atau tangki kumbahan ladang.

Robot tersebut mampu bekerja berulangkali sepanjang hari tanpa perlu tenaga kerja manual sekali gus membuatkan lantai menjadi lebih bersih, kurang berbau dan selesa untuk lembu.

Alat itu turut dilengkapi sensor keselamatan untuk mengelak perlanggaran dengan lembu atau halangan lain yang membolehkan ia beroperasi tanpa mengganggu pergerakan haiwan.

Beralih kepada aspek pemantauan kesihatan, ladang moden itu menggunakan sensor pintar yang dipasang pada lembu, sama ada kolar atau tag telinga.

Data seperti kadar pergerakan, selera makan, suhu badan dan aktiviti menguyah direkodkan secara masa nyata. Semua maklumat yang diperolehi akan disatukan dalam perisian berasaskan awan (*cloud*) dinamakan Lely Horizon.

Berdasarkan maklumat tersebut, penternak boleh membuat analisis untuk mengetahui sekranya wujud tanda awal penyakit atau perubahan tingkah laku haiwan.

Melihat kepada teknologi yang diperkenalkan, seorang penternak Josie Rozum tertarik untuk menggunakan mesin keluaran syarikat tersebut di ladang

ternakan miliknya.

Tidak dinafikan pada awalnya dia meragui dengan kemampuan robot untuk melakukan semua tugas dari memberi makan hingga ke pemerahan susu.

Namun, setelah melihat keberkesanan fungsi robot, Rozum kemudian menggunakan teknologi yang ada bagi menguruskan ladang keluarga kira-kira 1,600 ekar dan memiliki sekitar 200 ekor lembu tenusu di Amerika Syarikat.

"Saya sangat tertarik dengan robot pemerahan susu Lely Astronaut yang membolehkan susu lembu diperah secara automatik tanpa perlu dijadualkan secara ketat.

"Sebelum ini kami perlu menghabiskan masa sekitar enam jam atau lebih untuk melakukan hal sama. Robot Lely Astronaut telah menyenangkan tugas penternak



TUGASAN memberi makan lembu-lembu turut dilakukan oleh robot secara teratur sekali gus mengurangkan keperluan tenaga manusia.

kerana susu yang dikumpul terus masuk ke dalam tangki penyimpanan.

"Cawan pemerah juga menggunakan bahan keluli tahan karat dan mempunyai berus untuk membersihkan ambing. Cara sebegini lebih bersih dan membuatkan susu diperah tidak mudah rosak," ujarnya.

Susu disedut melalui cawan pemerahan akan terus masuk ke tangki pukal dengan sistem penyejukan automatik yang mampu menurunkan suhu susu kepada kira-kira 4 darjah celsius dalam masa dua jam selepas pemerahan bagi mengelakkan pertumbuhan bakteria.

Tangki dilengkapi pengacau (*agitator*) bagi memastikan susu sentiasa bercampur sekata dan tidak berlapis, manakala kualiti susu dipantau berterusan oleh sensor.

Evolusi dari kaedah konvensional ke moden itu jelas menunjukkan sektor

penternakan bergerak ke arah pertanian pintar (*smart farming*), di mana teknologi digital dan automasi menjadi kunci utama dalam meningkatkan hasil, mengurangkan kos serta menjaga kebajikan haiwan.

Dengan sokongan inovasi sebegini, masa depan industri penternakan dijangka lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Secara keseluruhan, ladang tenusu moden yang menggunakan penuh sistem Lely mampu menguruskan rutin harian seperti perah susu, memberi makan, pembersihan dan pemantauan sehingga 70 hingga 85 peratus dilakukan oleh robot.

Meskipun mengetengahkan elemen robotik, namun kehadiran manusia tetap penting untuk memastikan sistem dapat berjalan lancar dan memberi keseimbangan antara manusia dan robot.



LELY Astronaut merupakan robot perahan susu yang mampu melakukan kerja secara automatik apabila lembu betina bersedia.